# BOLA BALING

1. **PERATURAN TEKNIKAL**

1.1. Kejohanan MASUM Bola Baling akan dijalankan mengikut :

1.1.1. Undang – Undang dan Peraturan Am Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

1.1.2. Undang-Undang 'International Handball Federation' (IHF).

1.2. Pertandingan ini akan terdiri daripada yang berikut :

1.2.1. Kategori Lelaki

1.2.2. Kategori Wanita

1.3. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar :

1.3.1. 1 pasukan Lelaki : Maksima 14 orang Atlet dan 3 orang Pegawai

1.3.2. 1 pasukan Wanita : Maksima 14 orang Atlet dan 3 orang Pegawai

2. **PERATURAN PERTANDINGAN**

2.1. Sistem Pertandingan

2.1.1. Sila rujuk Peraturan Am (9.0) Peraturan Am Sukan MASUM

2.2. Jenis Pertandingan

2.2.1. Tempoh permainan : Secara Liga Pusingan Awal dan Kalah Mati dengan masa permainan 25 minit setiap separuh masa dengan 5 minit masa rehat ( 25 : 5: 25 ).

2.2.2. Masa Rehat Pasukan ( 1 Minit )

2.2.2.1. Setiap pasukan dibenarkan meminta 1 minit masa rehat (Team Time-Out) sekali setiap separuh masa.

2.2.2.2. Pegawai yang berdaftar bagi setiap perlawanan sahaja dari mana-mana pasukan dibenarkan memohon masa rehat dengan melayangkan KAD HIJAU berukuran 15 cm x 20 cm kepada Penjaga Masa (Time Keeper).

2.2.2.3. Situasi yang dibolehkan untuk memberi kebenaran berhenti untuk masa rehat 1 minit :

- Semasa pasukannya mengawal bola-situasi menyerang
- Selepas pasukannya terkena jaringan gol atau semasa balingan gol dari pasukan sendiri setelah bola tersasar keluar.

2.3. Sistem Pengiraan Mata / Cara Menentukan Kedudukan

2.3.1. Secara Liga

2.3.1.1. Cara memberi mata

| | |
|---|---|
| Menang | 2 mata |
| Seri | 1 mata |
| Kalah | 0 mata |

2.3.1.2. Jika dua atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

- Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang.
- Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira menang
- Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya diambil kira.
- Jika masih seri, balingan 7 meter akan dijalankan untuk menentukan pemenang. Sebanyak 5 balingan dibenarkan dan sekiranya masih seri maka lontaran 'sudden death' dijalankan.

2.3.2. Secara Kalah Mati

2.3.2.1. Jika kedudukan masih seri selepas permainan penuh masa, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

- Perlawanan masa tambahan selama10 minit (5 minit -1minit -5 minit).
- Jika keputusan masih seri, sistem balingan 7 meter mengikut peraturan IHF akan dijalankan.

2.4. Pakaian Seragam (Jersi) : Sila rujuk Undang-undang Bola Baling Antarabangsa (IHF) dan perkara-perkara berikut :

2.4.1. Semua pemain dimestikan memakai kasut dan bersarung kaki (menutup buku lali)

2.4.2. Pemain – pemain dibenarkan memakai kasut sukan. Kasut berpaku tidak dibenarkan sama sekali.

2.4.3. Setiap Pasukan dikehendaki membawa sekurang-kurangnya **2 set** jersi berlainan warna.

2.4.4. Pemain dimestikan memakai jersi yang bernombor di antara **1** hingga **99** dibahagian **belakang dan depan.**

2.4.5. Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengistiharkan warna jersi masing-masing semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

2.4.6. Pertukaran warna jersi : jika berlaku pemakaian jersi sama warna sebelum pertandingan oleh kedua-dua pasukan, **pasukan yang namanya tercatat dahulu dalam jadual perlawanan dikehendaki menukar jersi.**

2.5. Peralatan

2.5.1. Bola yang digunakan adalah :

2.5.1.1. Wanita - MOLTEN H2X5001

2.5.1.2. Lelaki – MOLTEN H3X5001

## 3. RINGKASAN PENYERTAAN

| Bola Baling | Atlet | Pegawai | Jurulatih | Fisio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 14 org | 1 org | 1 org | 1 org | 17 org |
| Wanita | 14 org | 1 org | 1 org | 1 org | 17 org |